

Oleh **KHAIRUL ANUAR MOHAMAD**

PENINGGALAN Nabi Muhammad SAW yang paling bernilai kepada umat Islam adalah al-Quran dan sunnahnya. Walaupun Rasulullah SAW tidak pernah membaca satu kitab pun sebelum dibangkitkan menjadi Rasul atau menulis satu kalimah tetapi baginda menggalakkan umatnya mempelajari ilmu tulisan dan bacaan.

Ya sebagaimana tindakan baginda kepada tawanan Perang Badar. Lebih utama lagi adalah membuktikan bahawa al-Quran yang dibawanya bukan ciptaan baginda tetapi diturunkan oleh Allah SWT.

Perkembangan teknologi yang berlaku sepanjang tahun hingga ke hari ini juga memberi kesan kepada Mushaf.

Jika dulu al-Quran ditulis dengan tangan tetapi pada hari ini ia dicetak dengan mesin menggunakan teknologi terkini. Al-Quran juga kini boleh dimuat turun dalam bentuk digital.

Cetakan al-Quran dan al-Quran digital masih lagi menggunakan kaedah tulisan yang diwarisi daripada Rasulullah SAW.

Penjagaan yang rapi untuk memastikan bacaan al-Quran tidak berubah dan nilai warisan daripada Rasulullah SAW terus terpelihara.

Keunikan rasm al-Quran ini terus terpelihara kerana ulama selalu memberi fatwa dan nasihat kepada umat Islam supaya menjaga nas al-Quran.

Imam Ahmad umpamanya berkata, haram menyalahi khat mushaf Uthman walaupun pada huruf *wau*, *ya*, *alif* dan yang lain.

Imam Baihaqi pula berkata sesiapa yang menulis Quran maka hendaklah menjaga ejaannya yang telah ditulis para sahabat dan jangan menyalahi atau merubah apa yang telah mereka tulis.

Ini kerana sesungguhnya mereka (para sahabat) adalah orang yang paling banyak ilmu, yang paling betul hati dan lidah, yang paling beramanah berbanding kita maka tidak selayaknyalah kita merasa sangsi untuk mencari kesalahan mereka.

Selain itu, pengekal rasm al-Quran terus terjaga kerana ia memberi kesan kepada bacaan kitab suci tersebut.

Umpamanya, kalimah rahmat yang



KOMPLEKS Percetakan Al-Quran Raja Fahd di Arab Saudi adalah satu-satunya kilang mencetak al-Quran yang diiktiraf untuk diguna pakai di Masjid Haram dan Masjid Nabawi.

Rasm al-Quran terpelihara

ditulis dengan dua bentuk sama ada berakhir dengan *ta' marbutah* atau *ta' maftuhah*.

Jika kalimah rahmat ditulis dengan *ta' marbutah* di akhirnya, ketika wakaf ia dibaca dengan *ha* dan jika akhirnya ialah *ta' maftuhah*, ketika wakaf ia dibaca dengan *ta*.

Segala tanda dalam al-Quran meliputi baris, *tasydid*, tanda *mad* (panjang), *sukun* (mati) dibincangkan ulama terdahulu dengan teliti.

Setiap satunya ditanda dengan ulama bersepakat berdasarkan kepada kejelasan dan hujah.

Umpamanya tanda *fathah* (baris atas), asalnya adalah *alif* yang dicondongkan. Tanda *dhommah* (hadapan) asalnya *wau* yang dikedikkan dan semuanya itu amat bersesuaian dengan bacaan *fathah* di mana mulut pembaca akan terbuka dan jika pembaca membaca *dhommah* mulut si

pembaca akan muncung.

Hasil sepakat ulama dan hujah yang kuat ini menjadikan masyarakat Islam seluruh dunia boleh membaca al-Quran tanpa ada kekeliruan.

Namun ada juga setengah pihak yang ingin menandakan al-Quran dengan alamat yang baru.

Walhal mereka tidak menghafaz al-Quran sebagaimana ulama terdahulu, kitab-kitab *Dabt* dan *Rasm* tidak pernah mempelajari bahkan tidak ada dalam simpanan mereka sebagai rujukan.

● **KHAIRUL ANUAR MOHAMAD** ialah Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah Universiti Sains Islam Malaysia. Beliau juga adalah Ahli Lajnah Tashih al-Quran Kementerian Dalam Negeri.

Segala tanda dalam al-Quran meliputi baris, *tasydid*, tanda *mad*, *sukun* dibincangkan ulama terdahulu dengan teliti dan setiap satunya ditanda dengan ulama bersepakat berdasarkan kepada kejelasan dan hujah